

Pengguna kena celik komputer elak 'serangan' jenayah siber

B.H. M/S 8 7.5.07

TINDAKAN Pusat Keselamatan Siber Malaysia, pengendali keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi negara, mengesan lebih 1,200 aduan membabitkan jenayah internet sepanjang tahun lalu membuktikan kegiatan itu semakin licik, bahaya dan perlu ditangani segera. Sebahagian besar membabitkan kes penipuan siber, termasuk pelaburan haram menerusi internet. Seperti dilaporkan Ketuanya, Leftenan Kol (B) Husin Jazir, setakat ini 19 laman web dikesan menjalankan skim pelaburan itu dan kegiatannya dirujuk kepada kerajaan untuk tindakan lanjut. Jumlah ini juga menunjukkan peningkatan ketara berbanding tujuh laman web dikesan pertengahan bulan lalu. Isu pelaburan menerusi internet hingga ramai rakyat negara ini termasuk golongan profesional sanggup menanggung risiko membuat pelaburan besar perlu diberi perhatian kerana ia mungkin berunsur jenayah siber. Kebanyakan pelabur mungkin alpa bahawa laman web seperti itu boleh mudah ditutup bila-bila masa oleh penganjur untuk melarikan wang dilaburkan. Sejak isu itu heboh diperkatakan, pihak berkuasa mendapati 13 laman web mengendalikan pelaburan internet sudah tidak boleh dilayari kerana dalam proses penyelenggaraan. Malah, ada juga laman web pelaburan internet tidak boleh dilayari kerana pengendali berpindah ke laman web lain menyebabkan pelabur mengalami kerugian besar.

Kita akui bukan mudah menangani jenayah siber kerana hampir 80 peratus laman web menganjurkan pelaburan berpangkalan di luar negara, sekali gus menyukarkan usaha penguatkuasaan. Sebagai agensi teknikal, Pusat Keselamatan Siber tidak mempunyai kuasa menyekat apa lagi menutup laman web menyalahi undang-undang kerana hanya pihak berwajib khususnya polis boleh berbuat demikian. Bagi membasmi jenayah internet, kerjasama dan komitmen pada peringkat global amat diperlukan untuk diambil tindakan bersepadu. Di Amerika Syarikat, kempen kesedaran mengenai jenayah siber sentiasa diadakan. Selain pelaburan menerusi internet, aduan tertinggi membabitkan jenayah siber ialah gangguan dengan niat ugutan seperti penyiaran gambar lucah dan rakaman aksi melampau yang dilakukan individu untuk kepentingan dan tujuan tertentu. Ancaman penggadam bertujuan mengganggu sistem komputer terutama bagi syarikat tidak mengemaskini sistem komputer juga semakin banyak.

Walaupun, laporan terbaru ancaman keselamatan internet bagi rantau Asia Pasifik dan Jepun (APJ) menunjukkan Malaysia dikategorikan kurang aktif berhubung kegiatan berniat jahat, ia dianggap agresif sehingga menduduki tangga kelima teratas dalam kategori membanjirkan e-mel (spam). Laporan perumus keselamatan internet terkemuka dunia, Symantec Corporation (Symantec) sepanjang Julai hingga Disember tahun lalu, mendapati 84 peratus e-mel dikirim dari Malaysia adalah spam. Justeru, setiap pemilik komputer perlu mengambil langkah pengawasan sendiri kerana kerajaan cuma mengeluarkan garis panduan minimum. Pengguna perlu mengambil berat dan sentiasa menambahbaik ciri keselamatan sistem *firewall*, *antivirus* dan sistem pengesanan pencerobohan. Lebih penting, mereka perlu celik komputer dan dapat menangkis serangan. Jika pelaku jenayah siber dapat dikesan seperti kegiatan mencuri maklumat, mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan maksimum 10 tahun berserta sebatan dan denda. Mengikut Seksyen 5, Akta Jenayah Komputer 1997 pula, pencuri maklumat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya.